

JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
Malay Language Education Journal

PENGARUH BAHASA IBUNDA TERHADAP KEMAHIRAN BERTUTUR DALAM KALANGAN MURID INDIA DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH

(The Influence of Mother Tongue on Speaking Skills among Indian Students in a Primary School)

Haizah Bukari[1] & Norazana Awang Kechik[2]
[1] SK. Convent, Jalan Raja Omar, 32000 Sitiawan, Perak, MALAYSIA.
[2] Pusat Perkembangan Minda, 43500 Semenyih, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Haizah Bukari,** haizahbukari08@gmail.com

ISSN: 2180-4842
Terbitan: Mei, 2022
Volume: 12
Bilangan: 01
Halaman: 63-71

Dihantar pada:
20 November 2021

Diterima pada:
05 Mei 2022

Abstrak: Bahasa ibunda merujuk kepada bahasa pertama yang dipelajari oleh seseorang bermula dari saat dia dilahirkan sehinggalah dia pandai berkata-kata. Dengan kata lain, bahasa yang dipelajari daripada ibu bapa atau orang yang memelihara yang digunakan dalam komunikasi seharian. Kajian ini dijalankan bertujuan melihat pengaruh bahasa ibunda dan ciri-ciri komunikasi terhadap kemahiran bertutur di dalam kalangan murid India di sebuah sekolah rendah. Kumpulan sasaran terdiri daripada enam orang murid India Tahun 3. Kajian ini terbatas kepada murid-murid India yang belajar di sebuah sekolah rendah. Prosedur pengumpulan data yang digunakan ialah senarai semak pemerhatian dan rakaman audio sewaktu temu bual. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesalahan utama dikenal pasti sewaktu berkomunikasi ialah penukaran kod bahasa, penambahan partikel 'lah' pada akhir ayat, pembentukan ayat dalam bahasa ibunda mereka, pengguguran sendi nama dalam ayat bahasa Melayu, penggantian fonem vokal daripada Tamil ke bahasa Melayu dan pengulangan ayat sewaktu berkomunikasi. Terdapat beberapa faktor yang mempengharui kemahiran bertutur dalam kalangan murid India, iaitu gangguan persekitaran dan gangguan bahasa ibunda. Oleh itu, murid-murid India ini perlu didedahkan dengan kemahiran bertutur secara tidak formal dalam kehidupan seharian, galakan daripada guru untuk melibatkan diri dengan interaksi secara langsung dalam aktiviti seharian dan menggalakkan murid bertutur menggunakan bahasa Melayu di luar kelas.

Kata kunci: Bahasa ibunda, kemahiran bertutur, murid kaum India, sekolah rendah

Abstract: *Mother tongue refers to the first language learned by a person from the moment he is born until he is fluent in speaking. In other words, the language learned from parents or guardians used in everyday communication. This study was conducted to look at the influence of mother tongue and communication characteristics on speaking skills among Indian students in a primary school. The target group consisted of six Year 3 Indian students. The study was limited to Indian students studying in a primary school. The data collection procedure used was a checklist of observations as well as audio recordings during the interviews. The results showed that the main errors identified when communicating were language code change, addition of 'lah' particle at the end of sentences, sentence formation in their mother tongue, abortion of noun joints in Malay sentences, replacement of vowel phonemes from Tamil to Malay and sentence repetition. while communicating. There are several factors that affect speaking skills among Indian students, namely environmental disorders and mother tongue disorders. Therefore, these Indian students need to be exposed to informal speaking skills in daily life, encouragement from teachers to engage in direct interaction in daily activities and encourage students to speak using Malay outside the classroom.*

Keywords: *Mother tongue, speaking skill, Indian students, primary school*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana terdapat pelbagai etnik seperti Melayu, Cina dan India (untuk kumpulan terbesar) dan beberapa kumpulan minioriti suku kaum Orang Asli sepertii Temiar, Jakun, Semang dan Mah Meri di Semenanjung Malaysia. Sementara di Sabah, terdapat lebih daripada 30 suku kaum dan menggunakan tidak kurang 50 jenis bahasa dan dialek seperti Kadazan, Dusun, Melayu Brunei, Bajau, Bugis dan sebagainya. Di Sarawak pula, banyak suku kaum yang menuturkan tidak kurang 32 jenis bahasa seperti bahasa Iban, Bidayuh, Melanau, Kenyah, Orang Ulu dan sebagainya. Setiap kaum yang berlainan ini menggunakan bahasa masing-masing dalam aktiviti harian mereka.

Bahasa menjadi alat untuk berkomunikasi bagi setiap individu. Oleh itu, bahasa penting bagi setiap orang. Dalam hal ini, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan rasmi bagi rakyat Malaysia. Perkara ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan bahasa Melayu di mana bahasa berperanan sebagai asas pembinaan negara dan kebudayaan masyarakat. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi negara Malaysia. Hal ini jelas dinyatakan dalam Fasal 152 Perlembagaan Negara. Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah memperkuatkan kedudukan dan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi. Dengan itu, sekali gus telah menaikkan martabat bahasa Melayu pada tahap sewajarnya. Fungsi bahasa Melayu sebagai alat perpaduan negara melalui sistem pendidikan terus dilaksanakan. Matlamat kerajaan menjadi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya daripada peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi, jelas terlaksana secara menyeluruh sehingga ke hari ini.

Sering kali diperkatakan bahawa sesuatu masyarakat itu perlu mengetahui bahasa kedua (B2) kerana mengetahui bahasa sendiri sahaja tidak cukup untuk memajukan keadaan hidup dan fikiran masyarakat tersebut. Oleh itu, rakyat hendaklah tahu mengenai bahasa pertama (B1) dan B2 untuk meningkatkan dalam kemahiran bertutur. Dengan adanya konteks menimba ilmu kita dapat mengembangkan masyarakat tentang bilingualism dan multilinguisme. Perbezaan antara bahasa ibunda (B1) dan B2 sedikit sebanyak mempengharui kebolehan seseorang dalam penggunaan B2. Hal ini berlaku kerana "gangguan" yang diterbitkan oleh bahasa ibunda (B1) meliputi banyak aspek dalam sesuatu bahasa itu.

Oleh itu, kajian yang berkaitan dengan masalah pengaruh bahasa ibunda (B1) dalam kemahiran Lisan dalam kalangan murid India sebagai B2 di sebuah sekolah rendah yang terletak di Sitiawan, Perak Darul Ridzuan. Dalam konteks murid-murid keturunan India bahasa-bahasa yang boleh didapati di sekolah terdiri daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris selain daripada bahasa Tamil.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan diharap dapat menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju. Akta Pendidikan 1996 telah memperakui bahawa kemajuan negara dari segi ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa, kebolehan mendengar adalah kebolehan mengenal tiap-tiap bunyi pada sistem pertuturan itu dengan tepat dan kemudian mengaitkan apa yang didengar dengan masyarakat dengan persekitarannya. Pendengaran yang baik akan menghasilkan manusia yang boleh betutur dengan baik. Menyebut atau bertutur ialah satu kemahiran yang harus diperoleh sebelum seorang itu menguasai sesuatu bahasa. Apabila seorang itu bertutur, ia akan melibatkan alat-alat sebutan yang menerbitkan bunyi-bunyi bahasa.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KPM 2003) menggariskan tiga kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid di peringkat sekolah rendah. Kemahiran-kemahiran berbahasa tersebut adalah kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran berbahasa ini turut diambil berat dalam menzahirkan matlamat kerajaan untuk mewujudkan pendidikan berkualiti untuk semua (Zamri 2014). Zamri (2021) menyatakan bahawa isu bahasa tidak pernah lekang bermula daripada Laporan Fenn Wu (1951) hinggalah wujudnya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (KPM 2006) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Hal ini menunjukkan kerajaan tidak pernah mengabaikan usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu di negara ini.

Aspek yang cuba dibincangkan di sini ialah pengaruh bahasa ibunda (B1) dalam kemahiran bertutur dalam kalangan murid kaum India. Daripada tinjauan awal yang dibuat di sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di Daerah Manjung, memang terdapat berbagai-bagai masalah dalam mempelajari kemahiran lisan oleh murid-murid berketurunan India. Kajian Nora'Azian dan Fadzilah (2018) yang mendapati bahawa gangguan bahasa ibunda merupakan faktor yang menyebabkan murid bukan penutur natif melakukan kesalahan dalam pembelajaran kemahiran asas bahasa, termasuk kemahiran bertutur. Gangguan bahasa menyebabkan tahap kemahiran bertutur murid bukan penutur natif pada tahap yang kurang profesien. Permasalahan yang dialami oleh murid bukan penutur natif selari dengan dapatan kajian Dayang Sufikawani dan Wan Muna Ruzanna (2017) dan Ilangko et al. (2014). Antara masalah yang timbul dan dapat dikesan secara am ialah murid-murid India menghadapi masalah sebutan huruf 'r' semasa pembelajaran bahasa Melayu. Sehubungan dengan pengaruh bahasa ibunda bagi

pembelajaran kemahiran lisan di sekolah tersebut, suatu fenomena dapat dikesan. Murid-murid India menghadapi masalah menggunakan vokal-vokal atau konsonan-konsonan tertentu bahasa Melayu yang agak asing kepada mereka. Apabila kata-kata Melayu atau kata-kata pinjaman daripada bahasa lain dituturkan berlaku perubahan bunyi-bunyi vokal dan konsonan yang terhampir dengan bahasa Tamil. Bahasa ibunda murid-murid India dirasakan mengganggu sebutan baku bahasa Melayu.

Pertukaran bunyi-bunyi tertentu mengakibatkan terjadinya proses penggantian konsonan, proses penghilangan konsonan dan proses menambah bunyi hentian glottis. Masalah percampuran kod antara bahasa Tamil dengan bahasa Melayu turut membantutkan pembelajaran bahasa Melayu murid-murid India. Masalah ini berkait dengan kemunculan unsur-unsur linguistik bahasa ibunda dari semasa ke semasa ketika murid-murid berkenaan menggunakan bahasa Melayu. Kelainan struktur ayat bahasa Tamil dengan bahasa Melayu turut mempengaruhi proses pembelajaran bahasa murid-murid India. Kelainan-kelainan tersebut tertumpu kepada Hukum DM (diterangkan-menerangkan) dalam kedudukan frasa nama dalam ayat. Binaan ayat biasa (Subjek + Predikat) bahasa Melayu mengutamakan frasa nama pada awal ayat. Binaan ayat bahasa Tamil lebih mementingkan struktur Predikat + Subjek dengan kedudukan frasa nama diletak ditengah atau di akhir ayat.

Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid India. Tujuan khusus dalam kajian ini ialah mengenal pasti pengaruh bahasa ibunda dan ciri-ciri komunikasi kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid India.

TEORI ANALISIS KESALAHAN BAHASA

Teori pembelajaran merupakan dapatan kajian daripada ahli psikologi pendidikan yang terdahulu mengenai konsep pembelajaran, faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan proses pembelajaran. Persekitaran bahasa memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan B2 seseorang murid. Keadaan sedemikian dialami juga oleh murid-murid India. Persekitaran bahasa murid-murid tersebut masih didominasi oleh bahasa Tamil. Bahasa tersebut digunakan sebagai bahasa harian terutama dalam berkomunikasi dengan individu atau kelompok daripada suku yang sama. Teori kesalahan merupakan teknik untuk mengukur kemajuan belajar bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh seseorang atau kelompok. Menurut Coder (1981), analisis kesalahan juga dapat memberikan maklumat tentang punca kesilapan murid yang perlu diberikan tumpuan dan daripadanya dapat dicadangkan langkah-langkah pembaikannya.

Kesalahan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah. Teori Analisis Kesalahan (Corder 1981) menjelaskan terdapat empat kategori kesalahan bahasa, iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah, dan kesalahan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan lesikon. Dalam kajian ini, jenis kesilapan yang difokuskan ialah kesilapan dalam bidang linguistik. Dalam teori ini juga, bentuk bahasa yang salah dihasilkan oleh para murid sebagai kesalahan yang berlaku berulang-ulang. Coder (1981), mengistilahkan sesetengah kesalahan bahasa yang dilakukan oleh penutur jati bukan kerana si penutur tidak mengetahui dan memahami peraturan-peraturan bahasa ibunda. Hal ini adalah kerana sifat bahasa itu sendiri yang membenarkan wujudnya bentuk mengelirukan sehingga membuka ruang kepada penutur melakukan kesalahan seandainya tidak berhati-hati.

Coder (1981) juga melihat kesalahan bahasa sasaran sebagai stratergi pembelajaran dan komunikasi. Kesalahan itu dikatakan sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam pembelajaran dan bukan sebagai kesalahan atau sesuatu unsur negatif. Mengikut Zamri (2022b), kesalahan bahasa dimaksudkan kepada bentuk pertuturan yang menyalahi tatabahasa atau struktur sesuatu bahasa dan kesalahan ini timbul akibat daripada ketidaksempurnaan penguasaan penutur terhadap sistem bahasa itu. Kesalahan bahasa juga merujuk kepada bentuk-bentuk kelemahan pelaksanaan dan berlaku secara kebetulan atau tidak sengajakan yang berpunca daripada sikap dan penguasaan B2 kedua yang lemah dalam kalangan penutur B1 tersebut.

OBJEKTIF

Objektif dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti perkara-perkara berikut dalam kalangan murid India:

1. Meneroka pengaruh bahasa ibunda terhadap kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid India.
2. Menganalisis kesalahan bahasa murid-murid India ketika bertutur bahasa Melayu sebagai B2.

METODOLOGI

Metodologi kajian meliputi cara, kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat yang hendak diselidik. Reka bentuk bagi kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini menumpukan kepada penulisan kajian berdasarkan teori asas kerana pengkaji akan menerapkan data kajian berdasarkan teori yang dipilih. Selepas melakukan beberapa tinjauan di beberapa buah sekolah di sekitar daerah Manjung, pengkaji telah memilih salah sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah berkenaan

untuk dijadikan kajian. Sekolah tersebut terletak di kawasan bandar dan ditadbir sepenuhnya oleh pihak KPM. Lokasi kajian dipilih berdasarkan kriteria '*multicase single site'*, iaitu satu tempat yang mempunyai dua perkara atau masalah yang ingin dikaji (Creswell 2008).

Peserta kajian ialah murid-murid berketurunan India Tahap 1 di sebuah SJKT di daerah Manjung, Perak. Jumlah keseluruhan peserta kajian adalah seramai enam orang. Kesemua peserta kajian yang dipilih berumur sembilan tahun. Peserta kajian dipilih berdasarkan latar belakang, latar sosioekonomi dan tahap intelektual murid. Pengkaji mendapati tahap penguasaan kemahiran bertutur mereka masih di tahap yang baik, sederhana dan lemah. Selain itu, peserta kajian juga memepelajari bahasa ibunda (bahasa Tamil) di sekolah, secara tidak langsung akan mempengaruhi pertuturan apabila beralih kepada pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, senarai semak pemerhatian berstruktur yang diubah suai dan diadaptasi daripada kajian Arulnathan (2013) digunakan. Pemerhatian berstruktur dilakukan dengan menggunakan senarai semak yang telah dibina berdasarkan aspek-aspek dan kriteria yang dihendak diperhati. Pemerhatian dilakukan oleh pengkaji ketika sedang mengajar. Namun begitu, kaedah ini agak merumitkan kerana pengkaji tidak dapat menjadi pemerhati dalam masa yang sama, perlu berhubung sepenuhnya dengan proses PdP. Justeru itu, catatan refleksi dibuat terlebih dahulu sebelum memindahkan maklumat yang diperoleh dalam senarai semak pemerhatian selepas sesi persekolahan.

Selain itu, instrumen temu bual separa berstruktur juga digunakan dalam kajian ini. Protokol temu bual yang dibina mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan objektif kajian ini. Instrumen kajian menggunakan kaedah temu bual merupakan satu kaedah yang penting dan mempunyai kesahan yang tinggi (Mohd Majid 2004). Hal ini kerana, pengkaji dapat memperoleh maklumat terus daripada peserta kajian. Bagi mendapatkan data dalam kaedah temu bual juga pengkaji menggunakan telefon pintar sebagai instrumen kajian. Hasil rakaman tersebut boleh dianalisis oleh pengkaji untuk tujuan kajiannya. Rakaman video akan menerangkan semua aktiviti yang berlaku dan tiada maklumat yang tertinggal dan kebaikannya boleh diulang-ulang tayang secara kerap untuk mendapatkan maklumat lebih jelas dan mendalam. Rakaman video ini boleh dikaitkan dengan bertindak sebagai satu set mata yang kedua, untuk membolehkan pengkaji merekodkan kegiatan yang dilihat atau didengar oleh pengkaji (Chua Yan Piaw 2014). Data temu bual dalam bentuk verbatim kemudian dianalisis dan dijadikan dalam bentuk transkrip.

Untuk senarai semak pemerhatian, pemerhatian dibuat di dalam kelas. Semasa pemerhatian, pengkaji ada membuat beberapa catatan penting ketika PdP sedang berlangsung di dalam kelas. Hal ini untuk memudahkan pengkaji tidak terlepas pandang maklumat yang ingin diperoleh. Selepas sesi PdP, pengkaji akan memindahkan catatan maklumat tersebut di dalam senarai semak pemerhatian. Pengkaji turut membuat proses penyaringan data. Proses ini merupakan usaha untuk mengurangkan jumlah data dengan memilih dan mengasingkan data yang kurang releven. Proses ini melibatkan aktiviti meringkaskan, memilih dan menyusun data dalam bentuk tertentu dilakukan untuk menjadikan data lebih berfokus bagi membantu proses membuat keputusan (Noraini 2010).

Teknik penganalisisan data temu bual yang ialah melalui transkripsi Audio suara kepada teks. Sepanjang temu bual berlangsung, bagi memudahkan pengkaji mentranskripsi data yang diperoleh maka, pengkaji menggunakan telefon pintar untuk merakam setiap temu bual bersama peserta kajian. Temu bual dilakukan terhadap enam orang murid yang berbangsa India. Sebanyak tujuh soalan dikemukan kepada murid untuk dijawab sepanjang sesi temu bual berlangsung. Setiap soalan dan jawapan dirakamkan, kemudian pengkaji akan mentranskripsi data yang diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil data dapatan kajian bagi objektif pertama dan kedua, iaitu meneroka pengaruh bahasa ibunda (B1) terhadap kemahiran bertutur bahasa Melayu (B2) dalam kalangan murid India dan menganalisis kesalahan bahasa murid-murid India ketika bertutur bahasa Melayu sebagai B2. Bagi memudahkan perbincangan semua enam murid diberikan kod seperti M1 merujuk murid 1 sehingga M6 merujuk murid 6.

Pengaruh Bahasa Ibunda terhadap Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid India

Berdasarkan dapatan kajian melalui hasil semak pemerhatian, didapati murid yang mempunyai latar belakang keluarga, sosioekonomi yang sederhana dan tahap intelektual yang lemah mempunyai kecenderungan yang tinggi kepada pengaruh bahasa ibunda terhadap kemahiran bertutur bahasa Melayu. Murid-ini didapati kurang bertutur menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan. Setiap hari mereka terdedah dengan bahasa ibunda (B1) masing masing di sekolah. Murid India menggunakan bahasa Tamil sewaktu berbual dengan rakan mereka. Semasa di rumah mereka akan menggunakan dialek atau bahasa Inggeris untuk berkomunikasi. Apabila kurang bertutur menggunakan bahasa tersebut, mereka kekurangan kosa kata dan menghadapi masalah dari segi sebutan. Alat artikulasi mereka sudah biasa dan terlatih menyebut bunyi dalam bahasa ibunda. Keadaan ini menyebabkan mereka mengalami gangguan bawaan daripada bahasa pertama (B1).

Selain itu, didapati juga penukaran kod bahasa murid-murid tersebut. Pada masa ini, sesi PdP berjalan seperti biasa di kelas Tahun 3 selama satu jam. Sewaktu murid India berinteraksi sesama mereka terdapat situasi penukaran kod bahasa Melayu-Tamil dan juga percampuran kod Melayu-Inggeris. Situasi tersebut berlaku di peringkat penghasilan ayat. Tidak dinafikan juga bahawa tempat berlaku interaksi antara penutur juga mempengaruhi penukaran kod. Contohnya, jika perbualan berlaku di rumah, di kelas dan sebagainya akan menyebabkan terjadinya penukaran kod. Mereka yang bertutur di lokasi berkenaan akan mudah terpengaruh untuk mencampuradukkan bahasa pertuturannya. Penukaran kod bahasa seperti ini memberi kesan terhadap pertuturan seharian murid kerana kedua-dua bahasa ini sangat dominan dalam persekitaran murid-murid tersebut. Jadual 1 menunjukkan contoh pengaruh bahasa ibunda (bahasa Tamil/B1) terhadap bahasa Melayu (B2) murid-murid India ketika bertutur.

JADUAL 1: Pengaruh bahasa Ibunda yang dikenal pasti dalam pertuturan murid India

Murid India	Pengaruh Bahasa Ibunda yang Diujarkan oleh Murid India	Kesilapan dan Pembetulan
M1	Cikgu, saya sura siap tulis.	Cikgu, saya sudah menulis
M2	Dia bodak itu kacau saya.	Budak itu kacau saya
M3	Ama kasi ini roti.	Emak saya bekalkan roti
M4	Itu buku untok saya.	Buku itu untuk saya

Sebilangan murid India telah menggunakan penukaran kod bahasa berdasarkan bahasa ibunda (B1). Murid India didapati menukar kod bahasa ke bahasa Tamil apabila keadaan terdesak untuk menyampaikan mesej. Dalam keadaan sedemikian, mereka seolah-olah tidak sedar akan apa bahasa yang digunakannya. Ada juga murid India yang terus menukar bahasa kod bahasa apabila tidak dapat menyampaikan mesej dalam bahasa Melayu. Kesan daripada pengaruh bahasa Tamil (B1) itu, telah menyebabkan murid-murid India ini melakukan pelbagai kesalahan bahasa ketika bertutur dalam bahasa Melayu (B2).

Kesalahan Bahasa Murid-Murid India ketika Bertutur Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua

Daripada pemerhatian dan temu bual dijalankan terhadap enam peserta kajia tersebut, didapati murid-murid India ini banyak melakukan kesalahan bahasa akibat pengaruh bahasa ibunda (bahasa Tamil) ketika bertutur bahasa Melayu (b2). Berikut disenaraikan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid-murid India ketika bertutur dalam bahasa Melayu yang berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda (bahasa Tamil).

Kesalahan Penambahan Partikel 'lah' pada Akhir Ayat

Murid kaum India didapati seringkali menambah partikel 'lah' pada akhir ayat atau hujung ujaran atau ayat penyata. Perkara ini berlaku mungkin kerana kebiasaan penggunaannya dalam percakapan harian dalam bahasa ibunda. Oleh yang demikian, murid-murid terbawa-bawa penggunaanya walaupun bertutur dalam bahasa Melayu. Perkataan 'lah' yang digunakan oleh peserta kajian adalah pendekatan partikel "lah". Hal ini kebiasaan penggunaanya dan mungkin untuk menegaskan lagi ayat diujarkan. Permasalahan yang dialami selari dengan dapatan kajian Norehan (2009) dan Chew Fong Peng (2016). Murid India juga sering menambah partikel 'lah' semasa menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji untuk melancarkan pertuturan. Pengisian partikel 'lah' pada akhir ayat atau hujung ujaran biasanya untuk melembutkan ujaran supaya membawa kepada kemesraan berdasarkan bahasa ibunda (B1) untuk bertutur dalam B2. Contoh penggunaan 'lah' adalah seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Kesalahan partikel 'lah'

Murid India	Penambahan Partikel 'lah' pada Penghujung Ayat
M1	Tara ada masalah itu lah cikgu.
M2	Ayah boleh. Mak boleh siket-siket Adik saya tidak bolehla cikgu.
M3	Saya faham tetapi jika saya tidak faham saya akan tanyalah itu kawan.
M4	Jiran saya semua berbangsa India dan saya dengar itu mereka banyak cakap dalam bahasa Tamil dari itu bahasa Melayulah cikgu.
M5	Saya tidak ingat perkataan dalam bahasa Melayulah cikgu.
M6	Saya boleh cakap itu sikit-sikit bahasa Melayulah cikgu.

Kesalahan Frasa Nama Diletakkan di Tengah atau Akhir Ayat ketika Bertutur

Dapatan daripada pemerhatian di dalam kelas, murid India kerap kali mengujarkan sesuatu ayat yang kedudukan frasa nama diletakkan di tengah atau di akhir ayat mengikut konteks bahasa Tamil dan ini bertentangan dengan hukum binaan ayat biasa bahasa Melayu yang frasa nama diletakkan di hadapan. Kesalahan sintaksis bermaksud binaan bahasa yang menyimpang daripada struktur ayat yang betul dalam suatu bahasa. Pengaruh bahasa yang selalu berlaku dalam kalangan murid bahasa ibunda (B1) yang mempelajari B2 akan mempengharui pembentukan ayat dalam bahasa ibunda mereka. Contoh ayat kedudukan frasa nama diletakkan di tengah atau akhir ayat yang ditemui semasa pemerhatian dilakukan dalam kalangan murid India (rujuk Jadual 3).

JADUAL 3: Kedudukan frasa nama diletakkan di tengah atau akhir ayat

Murid India	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Melayu dalam Struktur Bahasa Tamil
M1	Saya makan roti.	Saya roti makan.
M2	Awak, mari ke sini.	Sini mari.

Kesalahan Pengguguran Sendi Nama dalam Ayat Bahasa Melayu

Kesalahan morfologi merangkumi kesalahan penggunaan imbuhan, penggolongan kata, penggunaan kata ganti nama, kata kerja, kata adjektif dan sebagainya. Murid India didapati sering melakukan kesilapan dari segi imbuhan kerana bahasa Tamil mempunyai sistem imbuhan yang tersendiri, iaitu imbuhannya dalam bentuk akhiran. Murid India ini juga bertutur dengan cara menggugurkan sendi nama dalam ayat bahasa Melayu. Contoh ayat pengguguran sendi nama dalam ayat bahasa Melayu adalah seperti yang berikut:

JADUAL 4: Pengguguran sendi nama dalam ayat bahasa Melayu

Murid India	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Pengguguran Sendi Nama
M3	Ibu pergi ke pejabat pagi tadi.	Ibu pergi pejabat pagi tadi.
M4	Dia membaca buku di situ.	Dia membaca buku situ.

Kesalahan Penggantian Fonem Vokal daripada Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu

Aspek leksikal merupakan aspek bahasa Melayu yang paling banyak menerima pengaruh bahasa ibunda murid-murid India. Pengaruh tersebut merangkumi proses penggantian, penambahan dan penghilangan fonem-fonem bahasa Melayu. Penggantian fonem vokal bahasa Melayu paling kerap berlaku dalam karangan bahasa Melayu murid-murid India. Jadual 5 merupakan contoh penggantian fonem vokal bahasa Melayu, dapatan daripada hasil temu bual bersama murid-murid India tersebut.

JADUAL 5: Proses penggantian fonem vokal daripada bahasa Tamil ke bahasa Melayu

Murid India	Penggantian Fonem Vokal Bahasa Melayu	Pembetulan Perkataan
M3	Penggantian /e/ kepada /a/	keluarga *menjadi* kaluarga
M4	Penggantian /e/ kepada /i/	tetapi *menjadi* titapi
M5	Penggantian /a/ kepada /o/	nama *menjadi* namo
M1	Penggantian /u/ kepada /o/	untuk *menjadi* untok
M6	Penggantian /i/ kepada /e/	sikit *menjadi* siket

Kesalahan Pengulangan Ayat untuk Memberi Penekanan

Murid India didapati menggunakan pengulangan ayat apabila menegaskan sesuatu maklumat dan ingin mengambil masa untuk meneruskan komunikasi. Namun, pengulangan keseluran ayat tidak kerap berlaku. Jadual 6 berikut merupakan contoh pengulangan dan penekakanan dalam pertuturan sebilangan daripada murid India ketika bertutur dalam bahasa Melayu.

JADUAL 6: Pengulangan ayat untuk memberi penekanan

Murid India	Pengulangan Ayat untuk Memberi Penekanan
M3	Saya faham titapi jika, tidak faham saya akan tanyalah itu kawan saya, untuk capat faham.
M4	Saya faham sikit dan saya tidak ingat itu perkataan dalam bahasa Melayu tadi itulah cikgu, sebab itu bahasa Malayu kadang susah faham sikit.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan pemerhatian yang telah dibuat, mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menjadi punca pengaruh bahasa ibunda (B1) murid-murid India ini bertutur dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah faktor persekitaran dan faktor gangguan bahasa. Persekitaran yang tidak menggunakan bahasa Melayu menyukarkan murid untuk berlatih bertutur dalam bahasa Melayu. Pengaruh bahasa ini dapat dilihat melalui percampuran kod dan dialek bahasa Tamil yang kerap dilakukan oleh murid-murid semasa bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka juga tinggal serta bergaul sesama mereka sahaja. Hal ini menyebabkan tiada fungsi Bahasa Melayu bagi mereka. Persekitaran memainkan peranan penting dalam pengajaran kemahiran bahasa. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Dayang Sufikawany dan Wan Muna Ruzanna (2017) serta Chew Fong Peng dan Abdul Jalil (2008) yang menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran tidak membantu para murid asing untuk mempraktikkan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu di Malaysia. Malahan, Zamri (2022a) juga berpendapat bahawa proses pembelajaran bahasa Melayu perlu berlangsung di luar bilik darjah bagi mendedahkan murid dengan situasi sebenar pertuturan. Pengkaji mendapati murid menghadapi pelbagai kekangan dalam proses mempelajari kemahiran bertutur bahasa Melayu dan seterusnya bertutur dalam bahasa Melayu.

Gangguan bahasa juga merupakan fenomena yang terhasil akibat daripada kebiasaan ujaran bahasa ibunda ke dalam B2. Zamri (2022b) menjelaskan bahawa gangguan adalah merujuk kepada situasi penguasaan bahasa yang kuat atau bahasa yang lebih

dominan kepada seseorang terhadap bahasa yang lemah. Kewujudan dua bahasa, iaitu bahasa ibunda (B1) dan bahasa sasaran (B2) yang di fikiran seseorang ini dapat membuatkan kaedah bahasa yang paling difahami murid boleh mendominasi kaedah yang baharu dipelajarinya. Selain itu, gangguan juga adalah tabiat lama atau *old habit* yang merupakan bahasa ibunda yang dimilki oleh seseorang sejak kecil mereka yang menggangu dan mempengharui tabiat baharu atau bahasa sasar ketika proses pembelajaran bahasa. Kesalahan bahasa berlaku berpunca daripada gangguan bahasa ibunda atau dialek bahasa pertuturan harian, bahasa daerah, bahasa lisan dan bahasa pasar. Hal ini berlaku kerana ketiadaan bentuk dan struktur yang serupa dalam bahasa dialek atau bahasa pertuturan dengan bahasa yang dipelajari.

Apabila pengguna bahasa membuat analogi atau generalisasi berdasarkan bahasa ibunda mereka, maka mereka akan melakukan kesalahan bahasa. Terdapat faktor yang dianggap gangguan yang menghalang daripada mempelajari bahasa Melayu. Antaranya ialah faktor persekitaran bahasa. Persekitaran bahasa memainkan peranan penting dalam pemerolehan B2 dalam kalangan murid. Misalnya, murid India yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2 akan dibayangi bahasa ibunda (B1/bahasa Tamil) mereka kerana bahasa tersebut digunakan sebagai bahasa harian, terutamanya semasa berkomunikasi dengan individu atau kelompok daripada suku yang sama. Berdasarkan rakaman audio bersuara yang telah dirakam ketika temu bual di dalam bilik darjah, pengkaji mendapati bahawa ayat yang dituturkan oleh peserta kajian terdapat struktur ayat akibat pengaruh daripada bahasa ibunda mereka. Melalui laras bahasa yang dituturkan oleh mereka, dapatlah di simpulkan bahawa bahasa ibunda yang dikuasai oleh mereka itu mempengaruhi gangguan berbahasa mereka ketika mengungkapkan pertuturan ke dalam bahasa Melayu. Menurut Arulnathan (2013), apabila terdapat jurang perbezaan yang jauh antara dua bahasa (B1 dan B2), makin banyaklah kesukaran yang perlu dihadapi oleh seseorang murid. Oleh sebab itu, perbezaan ini akan membuatkan murid sukar memahirkan diri dalam menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu. Daripada dapatan kajian untuk faktor gangguan bahasa dapat mempengharui penguasaan dari segi bahasa kemahiran bertutur peserta kajian dalam pertuturan bahasa Melayu. Perkara inilah yang berlaku kepada murid-murid India yang menjadi peserta kajian ini. Pengaruh bahasa Tamil (B1) mempengaruhi cara bertutur murid-murid India ketika bertutur bahasa Melayu (B2). Pengaruh bahasa Tamil masih ada ketika mereka bertutur.

Dari aspek ciri-ciri komunikasi dalam bahasa Tamil pula berbeza dari pelbagai sudut yang meliputi aspek morfologi, sintasksis dan proses penggantian fonem vokal daripada bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Antara ciri-ciri komunikasi dalam pertuturan murid India ialah mereka sering didapati mencampuradukkan kod bahasa Melayu dan Tamil. Murid India juga sering kali menmbah partikel ’lah’ pada akhir ayat atau hujung ujaran. Pada permulaannya, pengkaji berpendapat keseluruhan murid berbangsa India bertutur dengan hanya menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Melayu semata-mata. Namun, setelah pengkaji bertanyakan kepada beberapa orang murid berbangsa India yang lain, mereka menyatakan bahawa terdapat segelintir orang murid India di sekolah tersebut mampu berbahasa Melayu dengan begitu baik. Di sini boleh dijelaskan bahawa bahasa utama dalam kalangan murid India ini ialah bahasa Tamil. Namun begitu, jika mereka bergaul atau berkomunikasi dengan rakan mereka yang berbangsa Melayu, maka mereka boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik.

CADANGAN MENGATASI KESALAHAN BAHASA MURID BUKAN MELAYU

Terdapat beberapa cadangan untuk meluaskan tentang kajian ini. Antaranya ialah kajian pada masa akan datang perlu diperluas kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina bagi melihat situasi yang sama berlaku di sekolah-sekolah tersebut. Selain itu, kajian ini terbatas kepada aspek pertuturan murid. Oleh itu pengkaji menyarankan kajian pada masa akan datang untuk menyelidik aspek seperti morfologi dan sintkasis. Pihak yang terlibat perlu mengambil langkah segera untuk meningkatkan profesien bertutur murid di sekolah rendah. Murid perlu didedahkan dengan kemahiran bertutur secara tidak formal dalam kehidupan seharian. Amalan menghafal kosa kata dan melakukan terjemahan langsung daripada bahasa jati masing-masing perlu ditukar. Murid bukan penutur natif perlu dibiasakan dengan bertutur menggunakan bahasa Melayu secara informal di sekolah mahupun di rumah kerana B2 dikuasai melalui peniruan dan ajukan terhadap penutur natifnya seperti guru, kawan, ibu bapa dan jiran. Murid perlu didedahkan dengan aktiviti pertuturan yang bersahaja melalui perbualan dengan jiran, permainan, aktiviti kemasyarakatan dan tidak lagi dipimpin mengikut kehendak guru bahasa yang biasa dilakukan di dalam kelas.

Murid juga harus digalakkan berusaha sendiri untuk menguasai kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Keupayaan murid mencapai keputusan cemerlang dalam kemahiran bertutur dipengaruhi oleh strategi yang digunakan oleh mereka. Murid perlu digalakan oleh guru melibatkan diri dengan interaksi secara langsung di dunia sebenar menerusi aktiviti seharian, berinteraksi dengan pekerja natif di sekolah seperti kerani, pengawal keselamatan, pekerja kantin, dan menggalakkan murid bertutur menggunakan bahasa Melayu di luar kelas. Selain itu, usaha pihak sekolah adalah dengan memperbanykkan program membaca dan bahabn bacaan serta penulisan dalam bahasa Melayu. Usaha ini direalisasikan dengan

kerjasama Pusat Sumber Sekolah. Pusat Sumber dengan kerjasama Panitia Bahasa Melayu akan menyediakan bahan bacaan bahasa Melayu yang berbentuk buku cerita, majalah dan akhbar untuk dibaca oleh murid di bawah program semarak membaca. Malahan pada hari-hari tertentu, murid akan diminta untuk berkongsi dengan rakan mengenai bahan bacaan dengan membuat penceritaan semula atau mengulas bahan bacaan mereka. Usaha ini sekali gus membantu membina kosa kata dalam penggunaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid. Selain itu, program ini juga membantu murid untuk menggunakan bahasa Melayu dengan penuh yakin dikhalayak ramai.

Usaha untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam B2 paling berkesan jika murid mempraktikkannya dalam kehidupan setiap hari. Interaksi aktif secara tidak langsung dengan dunia luar amat menggalakkan sesi pertuturan dan merangsang proses pencapaian yang tinggi dalam kemahiran bertutur. Setiap hari perbendaharaan kata dapat ditambah dalam situasi yang berbeza. Murid dapat menguasai perkataan atau ayat baharu, menyemarakkan semangat dan minat untuk bertutur menggunakan bahasa Melayu kerana kosa kata merupakan aset penting dalam penguasaan B2. Murid perlu didedahkan dengan teknik penguasaan kosa kata yang pelbagai supaya mereka mampu mengumpul seberapa banyak kosa kata. Begitu juga murid perlu didedahkan dengan gaya bahasa berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai konteks sebelum dikatakan cekap dan mahir berbahasa. Murid bukan penutur natif memerlukan rangsangan yang kuat untuk meningkatkan peluasan perbendaharaan kata bagi mencapai tahap profesien semasa bertutur.

Guru bahasa Melayu merupakan orang yang dapat mempengharui sikap murid untuk membaca buku dalam bahasa Melayu memandangkan peranan guru sebagai model dan orang yang paling dihormati di sekolah. Maka, untuk meningkatkan minat membaca murid-murid India ini, guru-guru perlu meluangkan satu waktu khas untuk membawa murid-murid membaca buku bahasa Melayu di perpustakaan sekolah, manakala ibu bapa harus banyak membeli buku bacaan bahasa Melayu kepada anak-anak mereka. Tabiat suka membaca harus dipupuk menjadi amalan seharian, dan bukannya menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran peperiksaan semata-mata. Salah satu hambatan dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai B2 ialah sikap murid terhadap bahasa itu. Mereka lebih teransang untuk membaca atas dorongan kawan kerana kawan adalah teman sekelas dan teman sepermainan yang dapat mempengharui sikap murid terhadap bahan yang dibaca, terutama dalam bahan dan buku dalam bahasa Melayu. Hasil kajian yang diperoleh daripada kajian Siti Salwah dan Jamaludin (2013) menunjukkan masih terdapat murid bukan Melayu yang bersikap negatif mempelajari bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Kemahiran bertutur tidak seharusnya dipandang mudah kerana kemahiran mendengar dan bertutur merupakan asas kepada kemahiran membaca dan menulis (Kamaruddin 1999). Kanak-kanak yang lemah dalam pertuturan dikatakan tidak akan dapat menguasai bacaan dan tulisan dengan baik. Ibu bapa dan masyarakat sekeliling perlu memainkan peranan dalam usaha meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan anak-anak supaya mereka dapat menguasai bahasa dengan lebih baik. Pelbagai dasar telah disusun oleh Pihak KPM untuk memastikan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu dapat dimartabatkan dalam bidang pendidikan di negara ini. Pelaksanaan pelbagai program disegenap bahagian telah membuktikan betapa seriusnya usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu terlaksana dengan jayanya sekali gus dapat memberikan manfaat kepada semua Pihak. Umum mengetahui bahawa aspek penguasaan bahasa Melayu bukan masalah yang serius bagi penutur jati masyarakat Melayu. Namun, hal ini adalah sebaliknya bagi golongan bukan penutur jati seperti kamum India, Cina dan lain-lain kaum di Malaysia.

Pengunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seharusnya dijadikan bahasa utama sebagai lambang dan jati diri rakyat Malaysia. Kesemua Pihak hendaklah memberikan kerjasama yang serius untuk memastikan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terus terpelihara tanpa sebarang ancaman yang mampu mempengharui kedudukan di dalam bahasa Malaysia. Sebagai antara warga pendidik perlu menggandakan usaha untuk menterjemahkan dasar dan stratergi pengukuhan penguasaan bahasa Melayu dalam bentuk pelaksanaan yang paling berkesan. Ketekalan dan cekal dalam usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, intelektual dan bahasa tamadun adalah perlu supaya ia mampu membentuk kemajuan Malaysia dalam acuan kita sendiri. Akhir kata, bahasa menunjukkan bangsa, dan maju bahasa majulah bangsa.

RUJUKAN

Arulnathan Visurasam. (2013). Analisis kesilapan dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 oleh murid India: Strategi pembelajaran dan pemindahan bahasa. Tesis Ijazah Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman. (2008). Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur di dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia. *Jurnal Sosiohumanika,* 1 (1), 167-187.

Chua Yan Piaw. (2014*). Kaedah Peyelidikan.* Edisi Ketiga. Petaling Jaya: McGraw Hill Education (M) Sdn. Bhd.

Corder, S.P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. London: Oxford University Press.

Cresswell, J.W. (2008). *Educational Reasearch: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3rd Edition. New York: Pearson Merril Prentice Hall.

Dayang Sufikawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* 7 (1), 74-84.

Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Mutalib & Siti Nor Hamahiza Zainal. (2014). Penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi di sekolah pedalaman Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1), 65-74.

Kamaruddin Husin. (1999). *Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah.* Putrajaya: Pusat Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.* Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.* Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.

Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nor'Azian Nahar & Fadzilah. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 74-83.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan.* Petaling Jaya: McGraw Hill Education (M) Sdn. Bhd.

Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu.* Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zamri Mahamod. (2022a). *Linguistik Terapan dan Pengajaran Bahasa.* Edisi Kedua. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod. (2022b). *Penulisan Akademik: Teori dan Amalan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod. (2021). *Psikolinguistik dan Pengajaran Bahasa.* Cetakan Keempat. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.